

# Maklumat segera kepada pelabur —Mahathir

KEMENTERIAN Perdagangan dan Perindustrian akan menggunakan komputer tidak lama lagi untuk mendaftar semua perniagaan dan syarikat tempatan bagi maklumat kepada bakal pelabur ke sini. Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan telah pun membuat anggaran tentang harga memasang komputer itu yang akan berpusat di Kementerian tersebut.

Tender untuk memasang alat itu telah pun dibuka, katanya dalam satu taklimat akhbar menjelang pembukaan pusat perdagangan eksport-Malaysia (Mexpo) pada hari Selasa ini.

Katanya, komputer itu akan mengumpul dan menjeniskan semua data mengenai barangan tempatan yang ada untuk di eksport dan maklumat-maklumat lain mengenai perdagangan Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kegiatan-kegiatan tertentu pusat itu

KUALA LUMPUR, Ahad.—

termasuk unit pendaftaran pengeksport akan menggunakan komputer untuk membolehkan penjiilidan nama, alamat dan profil semua pengeksport Malaysia.

Sebuah bank data mengenai sumber-sumber maklumat mengan-dungi sumber-sumber data yang berterusan dan dikemaskinikan menyentuh semua aspek perdagangan antarabangsa.

Kemudahan itu ialah untuk menyediakan bantuan segera kepada sumber-sumber maklumat utama di seluruh dunia mengenai sebarang barangan keluaran, negara dan tugas perdagangan antarabangsa.

Sebagai tambahan, katalog barangan syarikat oleh para pengeksport Malaysia akan disediakan kepada semua Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri untuk maklumat para bakal pelabur asing.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sempena pembukaan Mexpo, semua pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Seberang Laut akan diperkukuh untuk membolehkannya memainkan peranan lebih berkesan.

Katanya, pada masa sekarang beliau masih belum berpuas hati dengan pameran-pameran yang diadakan di pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan luar negeri kerana ia tidak menghasilkan kesan yang dihajati secara menambahkan eksport barangan Malaysia.

"Barangan yang dipamerkan di pejabat Pesuruhjaya Perdagangan kita sudah lapok dengan labelnya yang sudah pudar dan saya merasakan perhatian perlu diberikan di sini," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri kemudian melawat pusat itu untuk meninjau barangan yang dipamerkan termasuk kasut getah dan kulit, barang kemas, kraf-tangan, barangan plastik, perkakas elektrik dan komponen elektronik.

Kira-kira 140 syarikat yang mewakili sejumlah 15 kumpulan pengeluar barangan mem-pamerkan barangan mereka di pusat itu yang menelan belanja \$500,000.

Keseluruhan rika-bentuk dan susunan pusat itu dikendalikan oleh sebuah firma tempatan dan hampir kesemua bahan yang digunakan dikeluarkan dalam negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pusat itu ialah tersendirinya satu pameran mengenai Malaysia kerana sebagai tambahan kepada kegunaan dan kecantikannya, barangan yang dipamerkan menunjukkan potensi dan keupayaan para pekilang Malaysia mengeksport barangan eksport bermutu tinggi. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. S

No. P

18